

1. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa komunikasi amnya dan media massa khasnya akan memperluaskan lagi jurang di antara mereka yang berada dan mereka yang tidak berada melalui akses kepada media dan informasi. Bincangkan bagaimana media boleh melakukan sedemikian dan apakah implikasinya kepada proses demokrasi dan kuasa. Jawapan anda perlu disandarkan kepada bacaan-bacaan yang anda telah lakukan bagi kursus ini dan kursus-kursus lain.
2. Media yang beroperasi di dalam sistem pasaran terbuka sepatutnya memenuhi keperluan dan desakan pengguna (penonton) dan, oleh itu, media sepatutnya boleh menjadi dan dijadikan sfera awam untuk mengenengah pandangan masyarakat dan mendesak pihak pemerintah mematuhi kemahuan dan keputusannya.

Bahaskan kenyataan di atas tentang keupayaan media menjadi sfera awam di dalam proses dan penglibatan politik dan demokrasi dengan bersandarkan kepada bacaan-bacaan yang anda telah lakukan untuk kursus ini.
3. Salah satu dariada peraturan undang-undang siber di Malaysia ialah ketiadaan penapisan internet. Adakah anda setuju dengan peraturan ini? Adakah undang-undang memadai untuk membendung jenayah siber?
4. Huraikan dengan contoh-contoh yang sesuai, empat tema utama dalam perwakilan etnik. Bincangkan kaitan di antara ekonomi pengeluaran media dan perwakilan etnisiti dalam televisyen.